

Kita mengucapkan syukur kepada Bapa kita yang telah melayakkan kita menerima sebahagian warisan orang yang salih dalam cahaya. Dia telah melepaskan kita daripada kuasa kegelapan dan memindahkan kita ke dalam kerajaan Anak yang dikasihi-Nya, melalui Dialah kita ditebus dan mendapat pengampunan dosa. Ia ialah gambaran Tuhan yang tidak kelihatan, Dialah anak sulung antara segala yang diciptakan.

Kolose 1:12-15

November 23, 2025

www.heraldmalaysia.com



Gambar ilustrasi (Malaysian Catholic Youth Day/MCYD 2025)

## Anda dipanggil jadi penabur iman

**TAKHTA SUCI:** Yesus memanggil kamu untuk menjadi saksi persekutuan, pembina jambatan dan penabur kepercayaan dalam dunia yang sering ditandai dengan perpecahan dan syak wasangka. Ini ialah kata-kata dorongan yang disampaikan oleh Sri Paus Leo XIV kepada golongan muda yang berkumpul di Katedral St Elizabeth di Košice, Slovakia, dalam sebuah video yang dikeluarkan pada November 8.

“Jangan takut untuk menunjukkan bahawa anda adalah orang Kristian, untuk menghidupi Injil dengan penuh semangat, dan untuk berkongsi kegembiraan yang timbul daripada bertemu dengan Tuhan,” tegasnya.

Perhimpunan itu dianjurkan oleh Keuskupan Agung Košice untuk meraikan Jubli Belia. Antara acara yang telah disusun, termasuk Misa yang dipimpin oleh Uskup Agung keuskupan dan Presiden Persidangan Episkopal Slovakia, Bernard Bober, dan Nunsio Apostolik ke negara itu, Uskup Agung Nicola Girasoli.

Terdapat juga konsert yang menampilkan persembahan kumpulan Katolik Slovakia, Godzone, dan DJ Portugis, Fr Guilherme Peixoto, yang membuat persembahan pada Hari Belia Sedunia 2023 di Lisbon.

Dalam pesannya, Sri Paus mengingatkan golongan muda bahawa mereka “tidak pernah bersendirian” kerana “sebagai anak-anak Tuhan, kita sentiasa dikasihi, diampuni dan di-

galakkan oleh Tuhan,” sambil memetik pesan-an beliau untuk Hari Belia Sedunia ke-40, yang pada tahun ini disambut pada November 23, di seluruh keuskupan di seluruh dunia.

### **Bawa kegembiraan kepada keluarga, sekolah, dan tempat kerja anda**

Bapa Suci Leo XIV menggesa golongan muda untuk membawa sukacita kepada orang lain kerana sebenarnya “kepastian inilah yang membebaskan kamu, mengangkat kamu di atas sikap tidak peduli, dan mendorong kamu untuk mencintai dengan hati yang terbuka dan murah hati.”

“Jadilah saksi kegembiraan ini!” desaknya, sambil mengajak golongan muda untuk membawa “cahaya Kristus” kepada “kelu-

arga, sekolah, universiti, tempat kerja dan komuniti” mereka.

“Dengan cara ini, wajah muda Gereja akan terus bersinar di tengah Eropah Tengah, di mana iman nenek moyang anda kekal sehingga hari ini sebagai sumber kehidupan baharu,” tambahnya.

Bapa Suci menekankan bahawa Katedral Košice adalah “jantung iman dan harapan yang berdegup” dan bahawa perhimpunan anak muda adalah “tanda nyata persaudaraan dan kedamaian yang disemai dalam hati kita melalui persahabatan dengan Kristus.”

Sri Paus Leo XIV mengakhiri pesan videonya dengan menyampaikan Berkat Apostolik kepada semua peserta dan menyerahkan mereka kepada Perawan Maria. **Media Vatikan**

## Jubli Dunia Pekerjaan: Lindungi maruah pekerja

VATIKAN: Semasa Audiens Jubli pada November 8 lalu, Sri Paus Leo XIV mengalukan para peserta Jubli Dunia Pekerjaan, yang berkumpul di Dataran Sto Petrus.

Lebih 45,000 umat beriman mendengar pesan Sri Paus Leo yang menekankan bahawa “pekerjaan mesti menjadi sumber harapan dan kehidupan, membolehkan ekspresi kreativiti individu dan keupayaan untuk berbuat baik.”

Menggalakkan pembangunan profesional, Sri Paus menggesa para pekerja Kristian untuk memupuk keadaan bagi pembangunan profesional semua, terutamanya generasi muda.

“Saya berharap, komitmen kolektif daripada institusi dan masyarakat sivil untuk mewujudkan

kan peluang pekerjaan yang sah yang menawarkan kestabilan dan maruah, memastikan terutamanya bahawa golongan muda dapat merealisasikan impian mereka dan menyumbang kepada kebaikan bersama.”

### **Ziarah Dunia Pekerjaan**

Ketika berucap kepada para penziarah dari Poland, Bapa Suci mengimbas kembali tradisi panjang negara itu mengenai “ziarah Dunia Pekerjaan,” yang menurutnya berasal daripada ajaran Sto Yohanes Paulus II dan ensikliknya, *Laborem exercens*, yang diterbitkan dalam konteks perkembangan seperti pengenalan meluas automasi.

Dalam dokumen itu, Bapa Suci yang berasal

dari Poland, menulis bahawa Gereja “menguatamakan tugasnya untuk sentiasa memberi perhatian kepada maruah dan hak mereka yang bekerja, untuk mengutuk situasi di mana maruah dan hak tersebut dilanggar, dan untuk membantu membimbing perubahan yang disebutkan di atas supaya dapat memastikan kemajuan yang tulen oleh manusia dan masyarakat.”

### **Berharap adalah menyaksikan**

Dalam katekesisnya, Sri Paus Leo mengingatkan jemputan Sto Paulus kepada orang Kristian di Korintus untuk “mempertimbangkan panggilan mereka” dan untuk “melihat bagaimana Tuhan telah menyatukan orang yang jika tidak

akan pernah bertemu.”

Di Gereja Korintus, Sto Paulus menulis, “mereka yang lebih rendah hati dan kurang berkuasa kini telah menjadi berharga dan penting.”

“Kriteria Tuhan,” kata Sri Paus, “dengan penekanan pada yang terkecil, adalah ‘gempa bumi’ yang tidak memusnahkan, tetapi membangkitkan semula dunia.”

“Firman Salib,” tegas Paus Leo, “membangkitkan kesedaran dan membangkitkan semula maruah setiap orang. Saudara dan saudari yang dikasihi, berharap adalah untuk bersaksi: untuk bersaksi bahawa segala-galanya telah berubah, bahawa tiada apa pun seperti dahulu.” **Media Vatikan**

# Jangan kedekut berkongsi syurga Tuhan

John Muir pernah bertanya: "Mengapa Jorang Kristian begitu keberatan atau kedekut untuk membenarkan haiwan masuk ke syurga?"

Mengapa? Lebih-lebih lagi apabila Sto Paulus dalam suratnya kepada Jemaat di Roma berkata bahawa seluruh ciptaan (mineral, tumbuhan, haiwan) merintih untuk dibebaskan daripada perhambaan dan kebinasaan untuk memasuki kehidupan kekal bersama kita.

Bagaimana? Bagaimana mineral, tumbuhan dan haiwan akan masuk syurga?

Itu di luar imaginasi kita sekarang, sama seperti kita tidak dapat membayangkan bagaimana kita akan masuk syurga: "Mata belum pernah melihat, telinga belum pernah mendengar. Malah sukar memasuki ke dalam hati manusia apatah lagi ke sebuah tempat yang telah disediakan oleh Tuhan bagi mereka yang mengasihi-Nya." *Eye has not seen, nor ear heard. Nor has it entered the heart of man the things God has prepared for those who love Him.*"

Kehidupan kekal adalah di luar imaginasi kita pada masa ini. Apa yang John Muir tanya mengenai haiwan mungkin boleh ditanya dalam bentuk soalan lain: adakah kita terlalu kedekut tentang siapa yang boleh pergi ke syurga?

Apa yang saya maksudkan dengan "kedekut" di sini ialah bagaimana kita yang selalu obses dengan kesucian, sempadan, dogma, dan amalan keagamaan sehingga kita mengecualikan berjuta-juta orang dari pintu Gereja kita, menghalang ramai orang untuk menyertai program Gereja kita, program sakramen kita, meja Ekaristi kita dan daripada tanggapan kita tentang siapa yang akan masuk syurga.

Begitu juga dengan denominasi lain. Sebagai orang Kristian, kita semua cenderung untuk mencipta syurga yang kedekut. Walau bagaimanapun, saya tetap menghargai naluri di sebalik ini. Mengikuti



Yesus mesti bermakna sesuatu yang konkrit. Kerasulan Kristian menuntut sesuatu yang konkrit dan Gereja perlu mempunyai prinsip tegas dari segi dogma, sakramen, keahlian dan amalan.

Memang benar, ada garis pemisah antara siapa yang berada "di dalam" dan siapa yang berada "di luar." Naluri pemisah ini adalah sihat.

Prinsip sempadan itu baik tetapi yang tidak sihat ialah cara kita mempraktikkannya. Kita sering membuat syurga itu kelihatan kedekut. Secara metafora, kita terlalu kerap bersikap seperti kumpulan yang diceritakan dalam Injil, yang menghalang orang lumpuh untuk datang kepada Yesus, sehingga orang lumpuh itu hanya dapat sampai kepada Yesus dengan diturunkan dari bumbung.

Naluri kita mungkin betul, tetapi amalan kita sering salah. Kita, berusaha sepeh hati dalam Gereja kita, berusaha kuat dalam iman dan amalan yang merupakan sauh kerohanian serta etos yang mengalukan dan makan bersama mereka yang di luar Gereja. Bagaimana ini dapat dilakukan? Berikut adalah analogi.

Bayangkan sebuah keluarga yang terdiri daripada sepuluh orang, kini semuanya dewasa.

Lima orang daripada kanak-kanak itu sangat komited kepada keluarga. Mereka pulang secara berkala untuk melawat, makan bersama setiap hujung minggu, sentiasa berhubung antara satu sama lain, mempunyai ritual dan perayaan tetap untuk memastikan mereka terus berhubung, dan sentiasa memastikan ibu bapa mereka dalam keadaan baik.

Mereka mungkin sesuai dipanggil ahli keluarga yang "mengamalkan".

Sekarang, bayangkan bahawa lima orang daripada kanak-kanak itu telah terpisah daripada keluarga.

Mereka tidak lagi berhubung dengan keluarga, terputus hubungan, jauh daripada etos harian keluarga, tidak begitu peduli tentang keadaan ibu bapa mereka, tetapi masih mahu mempunyai hubungan dengan keluarga untuk berkongsi majlis, perayaan, atau makan bersama mereka sekali-sekala.

Mereka mungkin sesuai digambarkan sebagai ahli keluarga yang "tidak mengamalkan" ajaran agama.

Ini menimbulkan persoalan: Adakah "ahli keluarga yang mengamalkan" menolak kemasukan "ahli keluarga yang kurang mengamalkan" untuk menyertai perayaan-perayaan keluarga? Adakah kehadiran "ahli keluarga yang kurang mengamalkan" ini akan menjejaskan kepercayaan, nilai dan etos keluarga?

Atau adakah mereka dibenarkan datang, tetapi dengan syarat bahawa mereka perlu membuat satu siri komitmen praktikal dan mereka perlu dikawal selia?

Saya percaya, bagi kebanyakan keluarga yang sihat, ahli yang "mengamalkan" akan gembira mengalukan ahli yang "tidak mengamalkan" ke acara keluarga, perhimpunan, atau makan, bersyukur akan kehadiran mereka, menerima mereka tanpa syarat

atau memaksa mereka untuk berjanji.

Mereka juga tidak akan berasa terancam dengan kehadiran "ahli keluarga kurang mengamalkan". Mereka tidak bimbang etos keluarga mungkin terjejas.

Sebagai ahli keluarga yang "mengamalkan", mereka akan mempunyai keyakinan yang kukuh bahawa komitmen mereka sendiri memadai untuk mengukuhkan etos, piawaian dan ritual keluarga agar semua yang hadir, tidak berasa terpaksa, tidak berasa diancam sebaliknya menjadikan perayaan itu lebih kaya dan lebih inklusif.

Keyakinan itu datangnya daripada kebijaksanaan bahawa mereka adalah orang dewasa dalam keluarga. Mereka boleh mengalukan orang lain tanpa menjejaskan apa-apa. Mereka tidak akan kedekut dengan kurniaan dan rahmat keluarga.

Pengajaran yang dapat kita perolehi di sini ialah: Kita yang bergelar orang Kristian "yang mengamalkan", bertanggungjawab terhadap amalan Gereja yang betul, doktrin yang betul, moral yang betul dan kesinambungan meneruskan penginjilan dan Ekaristi yang sah, tidak seharusnya kedekut dengan kurnia dan rahmat keluarga Kristian.

Seperti Yesus, yang mengalukan semua orang tanpa terlebih dahulu menuntut penukaran dan komitmen, kita mesti terbuka dalam sambutan kita dan meluaskan pelukan kita.

Inklusi, bukan eksklusif, seharusnya sentiasa menjadi pendekatan pertama kita. Seperti Yesus, kita tidak seharusnya terancam oleh apa yang kelihatan tidak suci, dan kita harus bersedia untuk sesekali mengemukakan orang lain melalui acara makan kita bersama kita.

Janganlah kita kedekut dalam berkongsi keluarga Tuhan, terutamanya kerana Tuhan yang kita sembah adalah Tuhan yang murah hati, yang tidak terancam oleh apa-apa pun! **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

## Yesus, Raja Kebenaran dan Raja dalam hidup kita!

Cerita penjahat yang disalibkan bersama Yesus hanya terdapat dalam Injil Lukas! Penjahat yang disalib bersama Yesus, mengakui dosa-dosanya dan memohon ampun, telah diselamatkan oleh Yesus melalui kematian-Nya!

Lukas ingin menunjukkan pertaubatan sejati, seperti juga dalam ceritanya tentang perbezaan antara orang Farisi dan pemungut cukai (Luk 18:9-14).

Yesus bukan sahaja memberikan pengampunan, tetapi juga menjanjikan tempat di sisi-Nya nanti di syurga! Meskipun penjahat yang satu menghina Yesus, penjahat yang lain memang mengakui kesalahannya lalu berseru: "Yesus, ingatlah aku apabila Engkau datang sebagai Raja" (Lukas 23:42).

Yesus menjawab: "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya hari ini juga engkau akan bersama-sama dengan Aku di dalam Firdaus" (ayat 43).

Kisah ini juga menunjukkan kepada kita kehinaan dan kehilangan kekuatan Yesus dalam menghadapi kematian, padahal Dia adalah Putera Tuhan dan Raja orang Yahudi.

Apa yang dialami Yesus ialah penolakan, penderitaan, penghinaan, kesengsaraan, ejekan, penyaliban. Tidak kelihatan sedikit pun tanda-tanda-Nya sebagai raja.

Dan mahkota yang boleh diletakkan di atas kepala-Nya ialah mahkota duri! Apa yang didengari-Nya bukan pujian mahupun nyanyian, melainkan penghinaan

dan cercaan.

Ternyata Yesus tidak pernah tampil atau muncul seperti yang kita harapkan: dengan kemegahan, kebesaran, kemuliaan mengikut ukuran raja-raja.

Kerajaan Yesus berbeza daripada kerajaan yang dikenali oleh Pilatus. Pilatus hanya mengenal kerajaan yang rajanya berkuasa, bertindak mengikut kepentingannya sendiri, dan membalas dendam.

Sebaliknya, kerajaan Yesus dibina atas kasih, pelayanan, keadilan, perdamaian dan rekonsiliasi.

Dalam diri Kristus yang disalib, kita diajak untuk memahami mengapa Kristus tetap raja.

Kita, umat Kristian pada era moden ini perlu mengingati: Yesus Kristus tidak pernah menundukkan diri! Dia tidak pernah membalas dendam dengan dendam, kekerasan dengan kezaliman. Dia selalui mengampuni sehingga akhir!

Di sinilah kerajaan Yesus Kristus adalah Raja Sejati, seperti yang digambarkan oleh Paulus dalam surat pertama kepada umat di Kolose dalam pembacaan kedua.

"Dia telah melepaskan kita daripada kuasa kegelapan dan memindahkan kita ke dalam Kerajaan Anak-Nya yang terkasih. Di dalam Kristuslah kita memiliki penebusan kita, iaitu pengampunan dosa" (Kol 1:13-14).

Apakah maksud perkataan "Yesus Kristus Raja alam semesta"?

Pertama, maksud perkataan itu jangan

disalah tafsirkan dengan pengertian tentang raja dan kerajaan secara profan/duniawi, tetapi mengikut maksud rohani.

Yesus berada di syurga, Dia membawa luka-luka-Nya ke syurga, maka kita pun akan membawa luka-luka hidup kita ke syurga.

Yesus dengan luka-luka-Nya tergantung di salib, tetapi kedua tangan-Nya terentang untuk merangkul kita, dan mengajak kita naik ke salib bersama Dia, untuk melihat dan menafsirkan hidup kita di dunia ini dengan pandangan yang berbeza.

Kita seperti penjahat yang mengakui kelemahan dan dosanya perlu berseru: "Yesus, ingatlah aku, apabila Engkau datang sebagai Raja" (Luk 23: 42). Dalam kata-kata itu bergema kata-kata Yesus sendiri: "Ya Bapa, ke dalam tangan-Mu Ku serahkan nyawa-Ku" (Luk 23:46).

Memang, betapa berbeza gambaran tentang raja dan kerajaan Kristus yang kita lihat hari ini!

Sungguh penting gambaran tentang kerajaan Kristus ini untuk memahami apakah yang disebut keselamatan dalam Kerajaan Tuhan!

Bila kadang-kadang keadaan di sekeliling kita tampak gelap, menyedihkan, penuh kekerasan, malah maut, janganlah kita lupa bahawa kita tidak bersendirian.

Di tengah-tengah semua itu tergantung Yesus yang disalib, kedua belah tangan-Nya terbentang penuh kasih dan belas kasihan.

**HARI RAYA TUHAN  
YESUS KRISTUS RAJA  
SEMESTA ALAM**

**2 SAMUEL 5:1-3**

**KOLOSE 1:12-20**

**INJIL LUKAS 23:35-43**



Marilah kita sentiasa mahu dan berani berseru kepada-Nya: Yesus ingatlah kami dalam Kerajaan-Mu. Di situlah terletak jalan emas, jalan diraja salib Yesus menuju Kerajaan-Nya. Amin. **M sgr F.X Hadisumarta O. Carm**

## Januari 2026, pertukaran para klerus Keuskupan Agung KK

KOTA KINABALU: Uskup Agung Kota Kinabalu (KK), John Wong pada November 5 lalu, mengumumkan pertukaran para paderi di Keuskupan Agung KK berkuat kuasa Januari 1, 2026, seperti berikut:

**1. Katedral Hati Kudus, Kota Kinabalu dan Gereja Mary Immaculate, Bukit Padang dan Gereja St Paul, Dontozidon:**

Msgr Nicholas Stephen (Rektor), Fr Terans Thadeus, Fr. Wilson Francis, Friar Moses Yap OFM, Fr Gilbert Marcus

**2. Gereja St Michael, Penampang dan Gereja St Augustine, Kinarut:**

Fr Wilfred Atin (Paderi Paroki), Fr Jerry Joseph Muhamat, Friar Gerald Terence Saimel OFM dan Fr Mattheus Luta

**3. Gereja Holy Nativity, Terawi:**

Fr Thomas Yip (Paderi Paroki), Fr Bradley Stephen

**4. Gereja Sacred Heart, Inobong**

Fr Sunny Chung (Paderi Paroki), Fr Johnny Raju

**5. Gereja St Joseph, Papar dan Gereja Holy Rosary, Limbahau:**

Fr Paul Lo (Paderi Paroki)

Fr Florian Marcus Dompok, Fr Joshua Liew

**6. Gereja Stella Maris, Tanjung Aru dan St Thomas, Kepayan:**

Fr Rhobby Aaron Mojolou (Paderi Parok), Fr Primus Jouil, Fr Peter Abas

**7. Gereja St Simon, Likas:**

Fr Michael Modoit (Paderi Paroki), Fr Cosmas Lee

**8. Gereja St Catherine, Inanam dan Gereja Good Shepherd, Menggatal dan Gereja Holy Family, Telipok:**

Fr David Sham (Paderi Paroki), Fr Postinus Kurup, Fr Sylvester Wong, Fr Jeffri Gumu

**9. Gereja St John, Tuaran:**

Fr Jalius Sading (Paderi Paroki), Fr Wiandigool Runsab

**10. Gereja St Joseph Husband of Mary, Kiulu:**

Fr Erik Jerome (Paderi Paroki), Fr Peter Chung

**11. Gereja St Edmund, Kota Belud:**

Fr Isidore Gilbert (Paderi Paroki), Fr Maxmillian Hontor

**12. Gereja St Peter, Kudat dan Gereja St Theresa, Kota Marudu**

Fr Rayner Bisius (Paderi Paroki), Fr Jack Johimi Sigam

**13. Gereja St Pius X, Bundu Tuhan**

Fr Frederick Raymond (Paderi Paroki), Fr Ned Columba Moujing

**14. Gereja St Peter Claver, Ranau:**

Fr Ambrose Atang (Paderi Paroki), Fr Lasius Gantis

**15. Gereja Blessed Sacrament, Labuan:**

Fr Thomas Madanan (Paderi Paroki)

**16. Rumah Pembentukan Aspiran, Taman Hiburan, Penampang:**

Fr Gilbert Marcus (Rektor)

**17. Kolej Sto Petrus, Tahun Inisiasi dan Penaung Biara Karmelit:**

Fr Mattheus Luta (Rektor)

**18. Holy Family Residence, Purak**

Fr Aloysius Fedilis (Chaplain)

# Hutan *Laudato Si*, tempat latihan pengenalan dan pengecaman tumbuhan

PAPAR: Latihan Pengenalan dan Pengecaman Tumbuhan telah dijalankan pada November 8, 2025, dikendalikan oleh pasukan Seksyen Sistemik Botani, Pusat Penyelidikan Perhutanan (FRC).

Latihan ini dianjurkan oleh *Sabah Association for Social Forestry (SASOF)* yang diwakili oleh Jabatan Perhutanan Sabah (Seksyen Sains Sosial, FRC) dan Universiti Malaysia Sabah.

Aktiviti ini merupakan sebahagian daripada Projek Pengurusan Landskap Adaptif dalam Membina Daya Tahan Sosio-Ekologi di Kawasan Rizab Biosfera Banjaran Crocker (GEF-SGP).

Turut bekerjasama adalah Kumpulan Pelaksana Projek Tagal Hutan dan Hutan Tepi Sungai, Kg Bolotikon, Papar dan Sr Calista Saliun, FSIC dari Komisi Keadilan Ciptaan Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Latihan telah dijalankan bersama komuniti Kampung Bolotikon, Papar di



Hutan *Laudato Si*. Kawasan tersebut merupakan kawasan hutan komuniti yang dijadikan tempat *hiking* dan tempat aktiviti pendidikan alam sekitar dijalankan, dan dinamakan *Eco-Spiritual*

*Healing Camp*.

Kerja-kerja pengecaman dan dokumentasi tumbuhan juga telah dijalankan di kawasan hutan tersebut, selama dua hari, sebelum latihan dijalankan.

## Roh Kudus meniup semangat perpaduan umat OLF, Perak

TAIPING: Kapel *Our Lady of Fatima (OLF)*, yang terletak di Daerah Larut Matang dan Selama, Perak, telah meraikan Pesta Tahunan ke-41 pada Oktober 19 dengan rosari, perarakan, benediktus dan Misa Kudus.

Perayaan ini menandakan penutupan Sembilan Hari Novena yang memberi peluang kepada pelbagai kumpulan kerasulan dan komuniti bahasa untuk turut serta dalam doa dan renungan dengan tema harian berfokus pada doa, ketekunan dan pengabdian.

Misa Kudus berbilang bahasa telah dipimpin oleh Fr Raymond Raj dari Katedral *Holy Spirit*, Pulau Pinang, disertai bersama oleh Msgr Stephen Liew, Paderi Paroki Gereja Katolik Taiping.

Dalam homilinya, Fr Raymond menekankan bahawa kejayaan sejati dalam kehidupan dan iman tidak datang dengan mudah, tetapi melalui usaha gigih dan ketekunan dalam iman.

Beliau mengingatkan bahawa umat Gereja dan pemimpin Gereja dipanggil untuk bertekun dalam doa dan pelayanan.

"Seorang umat harus tekun dalam doa dan tetap mempercayai rancangan Tuhan," katanya.

"Seorang pemimpin Gereja pula harus tekun dalam pelayanan, menjadi teladan

melalui kerendahan hati dan belas kasihan. Kedua-duanya mesti mencontohi ke-tekunan Bonda Maria, Ibu Gereja, yang tetap setia sejak peristiwa Khabar Gembira hingga ke Salib."

Fr Raymond turut menegaskan bahawa ketekunan adalah tanda kematangan rohani, yang menguatkan iman seseorang dalam menghadapi dugaan sambil memperdalam kasihnya kepada Kristus.

Pada akhir Misa, Msgr Liew menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua penaja, sukarelawan dan umat paroki yang telah memberi sumbangan dan tenaga bagi menjayakan perayaan ini.

Beliau turut memuji golongan belia atas inisiatif mereka dalam merancang dan mengendalikan sembilan hari Novena tersebut, menyifatkan semangat mereka sebagai tanda kehidupan dan harapan dalam Gereja.

Malam itu diakhiri dengan jamuan perpaduan yang memperlihatkan semangat kekeluargaan, meskipun hujan namun suasana tetap ceria dengan gelak tawa dan perbualan mesra.

Perayaan pesta ini menjadi satu seruan baharu untuk hidup sebagai umat Ekaristi, yang membawa iman Bonda Maria dan kasih Kristus ke dalam dunia dengan ketekunan dan sukacita.



## Orang Asli dari lima kampung perbaharui harapan

PORT DICKSON: Gereja *Immaculate Conception* membuka pintu mereka kepada 115 umat beriman dari lima buah kampung Orang Asli.

Mereka datang dari Kg Orang Asli Sunggala, Kg Orang Asli Bukit Kepong, Kg Belihoi, Kg Tekir, dan Kg Sebir — yang berkumpul untuk ziarah iman dan perpaduan yang bermakna.

Hari bermula dengan perarakan rosari yang tenang, apabila peserta berjalan berdampingan dalam doa dan renungan.

Setiap langkah bergema pengabdian bersama, menyentuh hati dalam iman dan harapan.

Sementara orang dewasa berdoa, kanak-kanak memenuhi kawasan dengan kegembiraan dan ketawa melalui aktiviti menarik yang direka khas untuk mereka, satu peringatan indah tentang iman yang sederhana dan bertenaga yang lahir dari hati kanak-kanak.

Ziarah itu memuncak dengan Misa perayaan dan persekutuan, masa untuk bersyukur, berkongsi cerita, dan

bergembira dalam kebaikan Tuhan.

Semangat persekutuan dirasakan dengan mendalam apabila komuniti Orang Asli dari lima kampung berkumpul, bukan sebagai kumpulan yang berasingan, tetapi sebagai satu keluarga dalam Kristus.


Ziarah itu adalah perjalanan hati, saat pertemuan, pembaharuan, dan rasa kekitaan. Ia mengingatkan semua yang hadir bahawa iman berkembang subur apabila dikongsi, dan bahawa Tuhan terus berjalan bersama umat-Nya.

# Sahabat kecil Yesus



Mari Mewarna

Kristus, Raja Semesta Alam



Hello anak-anak,

Pada hari Minggu, November 23, 2025, Gereja Katolik merayakan Hari Raya Kristus Raja Semesta Alam.

Perayaan ini mengingatkan kita akan makna sejati kekuasaan dan pelayanan Yesus sebagai Raja yang rendah hati dan penuh kasih.

Dalam pembacaan Injil, kita melihat bagaimana Yesus, meskipun disalibkan, tetap menunjukkan kasih-Nya kepada penjahat yang meminta pengampunan.

Betapa hebatnya Kristus sebagai Raja kita yang melayani.

Yesus menunjukkan bahwa kekuasaan-Nya bukanlah untuk memerintah, melainkan untuk melayani.

Yesus bukan raja dunia. Dia ialah Raja yang rela berkorban demi keselamatan umat manusia.

Anak-anak, adakah anak-anak sudah membuka hati kepada Yesus untuk merajai hati dan hidup kita?


Marilah kita membuka hati kita kepada Yesus, Sang Raja Kebenaran untuk mengubah hati dan membimbing kita!

Salam Kasih Antie Melly

Jawab Yesus: "Engkau mengatakan, bahawa Aku adalah raja. Untuk itulah Aku lahir dan untuk itulah Aku datang ke dalam dunia ini, supaya Aku memberi kesaksian tentang kebenaran setiap orang yang berasal dari kebenaran mendengarkan suara-Ku."


(Yohanes 18: 37)

Warnakan tiga simbol ini. Lekatkan salib pada tangan Yesus, hati pada dada Yesus dan mahkota pada kepala Yesus.



DI MANAKAH YESUS?  
Ketika Yesus berusia 12 tahun, Yesus pernah 'hilang'. Yosef dan Maria terpaksa kembali ke Yerusalem untuk mencari Dia. Ketika ditemui, Yesus sedang duduk di tengah-tengah alim ulama di sebuah Bait Tuhan. Semua orang juga kagum dengan kecerdasan-Nya.  
(Lukas 2:41-52)

Cari objek-objek berikut yang tersembunyi dalam gambar di sebelah kanan: mangkuk, tapak kuda, daun, lolipop, bulan, jarum dan benang, zaitun, hirisan oren, cincin, pensel dan sudu.



# BELIA

## Belia sebagai 'tukang aktif' perdamaian



ROMA: Dalam pesanan beliau untuk Hari Belia Sedunia ke-40, Sri Paus Leo XIV menggalakkan golongan muda untuk tidak "mengikuti mereka yang menggunakan kata-kata iman untuk memecahbelahkan" tetapi berusaha ke arah perdamaian, "menjadi tukang aktif perdamaian."

Hari Belia Sedunia yang disambut secara tahunan oleh Gereja-gereja di peringkat keuskupan, pada tahun ini diadakan pada November 23, sebagai persediaan untuk perhimpunan global di Seoul pada tahun 2027.

Mengulas tema sambutan ini, "Kamu juga adalah saksi-Ku, kerana kamu telah bersama-Ku", Sri Paus berkata bahawa "sebagai peziarah harapan dan dengan kuasa Roh Kudus kita bersedia untuk menjadi saksi Kristus yang berani, dan beliau memberi tumpuan kepada dua aspek kesaksian iaitu:

- persahabatan kita dengan Yesus, yang kita terima daripada Tuhan sebagai hadiah,
- komitmen kita untuk menjadi pembina keamanan dalam masyarakat.

### Yesus sepenuhnya tahu siapa kita!

Menjelaskan bahawa kesaksian Kristian timbul daripada persahabatan dengan Tuhan, yang disalibkan dan bangkit untuk keselamatan semua, Sri Paus menjelaskan, "Kesaksian ini tidak boleh dikelirukan dengan propaganda ideologi. Kesaksian ialah suatu peristiwa benar, tentang pertemuan kita dengan Yesus, diperbaharui dan kebangkitan kesedaran sosial."

"Yesus, sepenuhnya tahu siapa kita, hati kita dan kemarahan kita dalam menghadapi diskriminasi dan ketidakadilan."

Dia tidak mahu kita menjadi hamba, mahupun 'aktivis' parti politik; tetapi Dia memanggil kita untuk bersama-sama dengan Dia sebagai sahabat, supaya hidup kita dapat diperbaharui.

### Saksi Kristus yang sejati tidak gila glamour

"Dia mengingatkan kita bahawa saksi yang benar tidak berusaha untuk menjadi tumpuan utama, atau mengumpul pengikut untuk kepentingan diri sendiri."

"Saksi Kristus yang sejati ialah yang merendahkan diri dan bebas secara dalaman, terutamanya daripada diri sendiri, iaitu daripada berpura-pura menjadi pusat perhatian. Oleh itu, mereka bebas untuk mendengar, memahami, dan juga menyampaikan kebenaran kepada semua orang, walaupun di hadapan mereka yang berkuasa."

Sri Paus Leo menjelaskan bahawa kesaksian Kristian yang benar ialah dengan mengenali dan membimbing orang lain kepada Yesus, kerana Dia adalah satu-satunya yang menyelamatkan kita.

Prelatus itu memetik kata-kata pendahulunya, mendiang Sri Paus Fransiskus yang sering menegaskan bahawa "jika kita tidak melampaui diri kita sendiri dan zon selesa kita, jika kita tidak pergi kepada orang miskin dan mereka yang merasa tersisih daripada Kerajaan Tuhan, kita tidak dapat bertemu Kristus dan bersaksi tentang Dia."

### Sahabat kepada mereka yang dianiaya

Bapa Suci kemudian mengingatkan golongan

muda untuk tidak pernah lupa bahawa ramai rakan sebaya mereka "terdedah kepada keganasan, dipaksa menggunakan senjata, dipisahkan daripada orang tersayang, dan dipaksa berhijrah atau melarikan diri. Ramai yang kekurangan pendidikan dan barangan keperluan lain".

Ramai anak muda terdedah kepada keganasan, dipaksa menggunakan senjata, dipisahkan daripada orang tersayang, dan dipaksa berhijrah atau melarikan diri. Ramai yang kekurangan pendidikan dan barangan keperluan lain.

"Tetapi mereka semua, berkongsi dengan anda pencarian makna dan rasa tidak selamat yang menyertainya, ketidakselesaan tekanan sosial dan kerja yang semakin meningkat, kesukaran menangani krisis keluarga, perasaan sakit kekurangan peluang, serta penyesalan atas kesilapan yang telah mereka lakukan."

"Anda boleh berdiri bersama orang muda lain, berjalan bersama mereka dan menunjukkan bahawa Tuhan, dalam Yesus, telah mendekati setiap orang," katanya. Dan Bapa Suci menjemput orang Kristian muda untuk terus mencari sahabat dan saksi Yesus dalam Alkitab yang menunjukkan kepada kita bagaimana mereka menemui makna sebenar kehidupan melalui hubungan hidup mereka dengan Kristus.

### Persaudaraan sebagai ikatan keamanan

Sri Paus Leo menggesa golongan muda untuk mengatasi sikap acuh tak acuh dan kemalasan rohani serta berusaha untuk memupuk ikatan persahabatan dan persaudaraan, bekerja bersama untuk membina keadaan hidup baharu untuk semua.

"Jangan ikuti mereka yang menggunakan kata-kata iman untuk memecahbelahkan; sebaliknya, buat rancangan untuk menghapuskan ketidaksetaraan dan mendamaikan komuniti yang berpecah dan tertindas," katanya.

"Saudara-saudari muda yang dikasihi, sahabat-sahabat yang dikasihi, marilah kita mendengarkan suara Tuhan dalam diri kita dan mengatasi keegoisan kita, menjadi tukang damai yang aktif," kata Sri Paus Leo.

Tambahnya, "Kedamaian itu, yang merupakan kurniaan Tuhan yang bangkit, akan menjadi nyata di dunia melalui kesaksian bersama mereka yang membawa Roh-Nya di dalam hati mereka." **Media Vatikan**

## Sembilan kampus di Sabah sertai Hari Warga Kampus ke-25

KOTA KINABALU: Syukur atas kehadiran kira-kira 400 peserta dalam Hari Warga Kampus kali ke-25 yang telah berlangsung dengan penuh semangat dan harapan!

Misa Kudus telah dirayakan oleh Fr Wiandigool Runsab, Penasihat Rohani Belia Kampus Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Turut hadir Sr Terry, FSIC daripada Campus Ministry Office, yang bersama-sama para pelajar dan penggerak kampus sepanjang program ini.

Tahun ini, sembilan kampus mengambil bahagian:

CSG-UMS, CSG-UiTM, CSG-KENT, CSG-PKK, CSG-GAYA, CSG-UCSF (sekitar Kota Kinabalu), serta CSG-



KAL dan CSG-KML dari Labuan. Juga turut serta para pelajar Katolik dari kampus sekitar Kota Kinabalu yang belum mempunyai organisasi CSG,

serta pelajar dari Institut Perguruan Keningau.

Dengan tema "Para Penziarah Pengharapan", program ini mengajak se-

mua pelajar untuk memperbaharui semangat iman, persaudaraan, dan harapan — menjadi saksi kasih Kristus di kampus masing-masing.

## Berita singkat antarabangsa

### Bapa Suci berdoa bersolidariti dengan mangsa Super Taufan Filipina

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV telah menyatakan solidariti dan doa untuk rakyat Filipina selepas negara itu diserang Super Taufan Fung-wong (Uwan).

“Saya menyatakan kedekatan saya dengan rakyat Filipina yang telah dilanda taufan ganas. Saya berdoa untuk si mati dan keluarga mereka, serta untuk yang cedera dan terlantar,” kata prelatus itu.

Pesanan Sri Paus itu datang ketika ribut kuat itu melanda ke arah pantai timur negara pada

November 9, dengan angin kuat dan hujan yang dahsyat di seluruh Luzon.

Super Taufan Fung-wong mendarat di bandar Dinalungan di wilayah Aurora, timur Manila, pada pukul 9.10 malam, November 9.

Super taufan yang meliputi hampir seluruh kepulauan Filipina ini berlaku hanya beberapa hari selepas Taufan Kalmaegi mengorbankan lebih 220 orang di Visayas dan Mindanao. LICAS News

### AI dalam perubatan ke arah kebaikan bersama dan mendukung martabat manusia

ROMA: Akademi Kepausan untuk Kehidupan telah menganjurkan kongres antarabangsa yang didedikasikan untuk “AI dan Perubatan: Cabaran Maruah Manusia,” pada November 10-12.

Semasa hari pembukaan, Sri Paus Leo XIV menghantar mesej kepada para peserta, menawarkan “ucapan selamat yang penuh doa” untuk perbincangan mereka mengenai penggunaan AI dalam penjagaan kesihatan.

Sri Paus menyatakan pengaruh meluas AI dan kemajuan teknologi lain terhadap kemanusiaan, “sangat mempengaruhi cara kita berfikir” dan mengubah cara kita melihat diri

sendiri dan orang lain.

“Kita kini semakin berinteraksi dengan mesin seolah-olah ia adalah rakan bicara,” katanya. Dalam erti kata ini, kita bukan sahaja berisiko kehilangan pandangan terhadap wajah orang di sekeliling kita, tetapi juga melupakan cara untuk mengenali dan menghargai segala yang benar-benar manusiawi.

Sri Paus Leo menghargai manfaat yang dibawa oleh perkembangan teknologi dalam bidang perubatan dan kesihatan.

Walau bagaimanapun, kemajuan sebenar memerlukan individu dan entiti awam menegakkan maruah manusia dan kebaikan bersama. Media Vatikan

### Konflik Kemboja-Thailand, tambah kesengsaraan rakyat

BANGKOK: Kemboja dan Thailand saling tuduh menuduh mengenai pertempuran terbunuh di sepanjang sempadan mereka pada November 5, selepas Bangkok berkata ia menanggung pelaksanaan perjanjian damai yang disokong oleh AS.

Lima hari permusuhan meletus menyebabkan kedua-dua negara mengorbankan 43 nyawa dan memindahkan sekitar 300,000 orang sebelum gencatan senjata yang disokong oleh Presiden AS Donald Trump meredakan ketegangan.

Thailand pada November 10, menangguhkan pelaksanaan perjanjian susulan untuk menghen-

tiken permusuhan, mendakwa letupan dari periuk api yang baru dipasang telah mencederakan empat orang askarnya.

Dua hari kemudian, kedua-dua pihak bertukar tuduhan berhubung tembakan baharu, menurut laporan *Agence France-Presse* (AFP).

Menteri Penerangan Kemboja, Neth Pheaktra, memberitahu AFP bahawa “tentera Thailand melepaskan tembakan ke arah orang awam,” mencederakan sekurang-kurangnya lima orang di kampung Prey Chan di Wilayah Banteay Meanchey, memetik angka daripada pihak berkuasa tempatan. Ucan News

### Penampakan Yesus di Paris, bukan “luar biasa”

VATIKAN: Dikasteri bagi Doktrin Iman (DDF) telah mengisytiharkan bahawa penampakan Yesus yang didakwa di Dozulé, Perancis, tidak mempunyai asal-usul ilahi yang sah dan oleh itu tidak luar biasa.

“Prefek dikasteri, Kardinal Victor Manuel Fernandez, mengesahkan pengisytiharan itu berdasarkan Norma untuk Menilai Fenomena Luar Biasa yang Didakwa dalam dokumen yang dikeluarkan pada November 12 dan ditujukan kepada uskup Bayeux-Lisieux, Jacques Habert.

Pada tahun 1972, Madeleine Aumont mendakwa bahawa

Yesus telah menampakkannya, meminta Gereja untuk membina “salib gergasi yang mulia” di Dozulé, bersebelahan dengan “shrine perdamaian.”

Tambahan pula, Madeleine mendakwa dirinya sebagai mempunyai “penglihatan” masa hadapan, menyatakan Yesus telah mengumumkan kepulangnya-Nya yang “mendekat”.

Dalam dokumen itu, Vatikan menyatakan bahawa penampakan itu “telah menimbulkan minat rohani” tetapi juga “kontroversi” yang memerlukan penjelasan doktrin dan pastoral. CNA

# Mari membangun Gereja di atas asas Kristus

ROMA: Dalam Misa perayaan Dedikasi Basilika Santo Yohanes Lateran pada November 9, Sri Paus Leo XIV mengajak umat Kristian untuk membina Gereja di atas “asas yang kukuh” yang berakar pada Kristus, bukan atas “kriteria duniawi” yang menuntut hasil cepat dan mengabaikan nilai kesabaran serta kerendahan hati.

Basilika Lateran, katedral Uskup Roma dan Gereja tertua di bandar itu, menjadi latar khutbah Sri Paus yang menekankan Gereja sebagai bait hidup yang tersusun daripada “batu hidup.”

Sri Paus Leo mengingatkan bahawa sejarah panjang Gereja menunjukkan komuniti iman yang sejati hanya boleh dibina melalui kerendahan hati dan ketekunan.

Menggunakan gambaran asas fizikal basilika, Sri Paus mengajak umat merenungkan asas rohani Gereja.

Beliau menegaskan bahawa jika para tukang tidak menggali sehingga menemui dasar yang kukuh, bangunan itu akan runtuh — demikian juga, sebagai pekerja dalam Gereja yang hidup, umat harus menggali ke dalam diri dan persekitaran sebelum membina struktur yang mengagumkan, iaitu dengan menyingkirkan apa sahaja yang tidak stabil demi mencapai “batu karang Kristus.”

Merujuk kepada kata-kata Santo Paulus bahawa tiada asas lain kecuali Yesus Kristus, Sri Paus Leo menggesa umat untuk “sentiasa kembali kepada Yesus dan Injil-Nya serta membuka diri terhadap karya



Roh Kudus,” sambil memberi amaran tentang bahaya meletakkan struktur yang berat pada asas yang rapuh.

Bapa Suci Leo juga mengingatkan agar pelayanan Kerajaan Tuhan tidak didasarkan oleh tergesa-gesa dan permukaan semata.

“Marilah kita menggali dalam, tanpa terbebani oleh kriteria duniawi yang kerap menuntut hasil segera dan mengabaikan hikmah menunggu,” katanya.

Mengutip kisah Zakheus dalam Injil, Sri Paus berkata apabila Yesus memanggil orang untuk mengambil bahagian dalam karya keselamatan, “la membentuk kita dengan mahir mengikut rancangan keselamatan-Nya.” Imej “tapak pembinaan” menggambarkan usaha nyata komuniti yang setiap hari berkembang, berkongsi karisma di bawah bimbingan para gembalanya.

Dalam konteks perjalanan Gereja pada masa ini, khususnya proses Sinode, Sri Paus mengakui perlunya ketekunan. Ia menggesa umat

agar tidak jatuh ke dalam keletihan yang menutup mata terhadap kebaikan yang sudah ada, sebaliknya memelihara dan memperbaharui semangat melalui karya kasih yang nyata.

Mengenai liturgi, Sri Paus Leo menegaskan bahawa liturgi adalah kemuncak yang menjadi arah semua aktiviti Gereja dan sumber segala kuasa rohani.

Prelatus itu menyeru perhatian khusus terhadap kualiti perayaan liturgi di Takhta Petrus, agar menjadi teladan bagi seluruh umat Tuhan — mematuhi norma, peka terhadap kepekaan para peserta, dan menjaga inkulturasi bijak tanpa kehilangan kesederhanaan khidmat tradisi Roma.

“Semoga mereka yang datang ke altar katedral Roma pulang dipenuhi rahmat yang Tuhan ingin curahkan ke seluruh dunia,” kata Sri Paus Leo XIV, menegaskan harapan agar Gereja terus menjadi ibu yang menjaga dalam kasih dan kesetiaan kepada Injil.

## Duta keamanan belia tegaskan bahawa Dialog bukan pilihan

VATIKAN: Perayaan ulang tahun ke-60 deklarasi *Nostra Aetate* Konsili Vatikan II baru-baru ini di Roma, telah memberi inspirasi kepada para peserta, termasuk lima perwakilan muda dari Thailand, untuk memperbaharui komitmen mereka terhadap dialog antara agama, saling menghormati, dan keamanan dalam dunia yang berpecah belah.

Sekumpulan belia Thailand, yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan tinggi dari lima sekolah, telah dipilih untuk berkhidmat sebagai Duta Keamanan Belia dari Thailand di perhimpunan antarabangsa. Antaranya ialah Narawich Bunyarit, 15, seorang pelajar di *Assumption College* di Bangkok.

Duta Belia menyertai delegasi Thailand yang diketuai oleh Somdej Phra Maha Thirachan, Abot Kuil Diraja Wat Phra Chetuphon (Wat Pho), dan merupakan antara pemimpin agama dari lebih sedozen tradisi kepercayaan, termasuk Yahudi, Islam, Hindu, Buddha, Sikh, Jainisme, dan Kristian, dalam



seruan luar biasa untuk keamanan global bersama Sri Paus Leo XIV.

“Ia adalah satu keistimewaan untuk menyaksikan pemimpin pelbagai agama bersama-sama dengan Bapa Suci,” kata Narawich kepada *LICAS News* pada November 8.

Perayaan itu mengingatkan kita bahawa dialog bukan sekadar pilihan tetapi kewajiban suci untuk membina dunia yang lebih baik.

Acara yang dianjurkan di Vatikan oleh Dikasteri untuk Dialog Antara Agama itu menandakan enam dekad sejak *Nostra Aetate*, atau Deklarasi tentang Hubungan Gereja dengan Agama Bukan

Kristian, digubal pada tahun 1965.

Dokumen itu, yang ditandatangani oleh Sto Paulus VI, merupakan detik penting dalam sejarah Katolik, menggalakkan persahabatan dan rasa hormat bersama antara orang yang berlainan agama.

Sri Paus, termasuk Sto Yohanes Paulus II, Benediktus XVI, dan Fransiskus, menggelarnya sebagai “*Magna Carta* dialog antara agama.”

Bapa Suci Leo XIV, meneruskan legasi itu, mengesahkan semula hasratnya untuk “membina jambatan, bukan tembok.” LICAS News

VATIKAN: Dalam Audiens Umum hari Rabu, Sri Paus Leo XIV menyambung renungan tentang kematian dan kebangkitan Kristus serta bagaimana menghayati kerohanian Paskah dalam kehidupan seharian kita.

Prelatus itu menyatakan salah satu cara menerapkan kerohanian Paskah dalam rutin harian ialah dengan menyemai kehidupan dengan harapan dan melakukan kebaikan.

Bapa Suci menekankan umat Kristian harus kita memupuk persaudaraan tanpa prejudis. Membangun persaudaraan "ialah salah satu cabaran besar bagi kemanusiaan kontemporari, seperti yang dilihat dengan jelas oleh mendiang Sri Paus Fransiskus."

#### Persaudaraan bukanlah impian yang mustahil

Sri Paus Leo menekankan bahawa persaudaraan berasal daripada sesuatu yang "sangat manusiawi."

Sebagai manusia, kita mempunyai keupayaan untuk membentuk hubungan dan ikatan dengan orang lain. Tanpa hubungan ini, kata Sri Paus, "kita tidak akan dapat bertahan, berkembang atau belajar."

Apabila kita hidup bersama dan berdamai, maka kemanusiaan kita "terpenuhi dengan baik."

Sebaliknya, jika kita mengasingkan diri, kita berisiko menjadi sunyi dan, berpotensi, narsistik kerana kita hanya mementingkan diri sendiri.

Persaudaraan tidak boleh dan tidak boleh diambil mudah, walaupun wujud konflik, peperangan, ketegangan sosial dan perasaan benci.

Walau bagaimanapun, kata Sri Paus, "persaudaraan bukanlah impian mustahil; ia bukanlah keinginan segelintir yang khayal."

Bapa Suci menekankan bahawa apabila kita hidup bersama, maka kemanusiaan kita "terpenuhi dengan sebaik-baiknya".

Bagi mencari penawar bagi penyakit yang cuba mengatasi persaudaraan, kita mesti berpaling kepada sumber di mana kita boleh diperkukuh—iaitu, Tuhan.



## Mengasihi seperti Yesus mengasihi kita

#### Kita semua bersaudara

Persaudaraan berasal daripada akar purba yang bermaksud "untuk menjaga, untuk mengambil berat, untuk menyokong dan mengekalkan."

Contoh yang baik ialah peranan seorang abang atau kakak atau, secara umum, menjadi sebahagian daripada keluarga yang sama. Kita semua tahu bahawa perselisihan dan perpecahan boleh merosakkan hubungan, sama ada dalam kalangan keluarga atau antara orang asing.

Oleh itu, terdapat keperluan yang lebih besar hari ini untuk merenungkan sapaan yang akan digunakan oleh Sto Fransiskus dari Assisi untuk menyapa semua orang, tidak kira siapa mereka sebagai *Omnes fratres* yang bermaksud "semua saudara" dan ia meletakkan semua orang pada tahap yang sama, tidak mengkatégorikan mereka mengikut status dan mengiktiraf maruah bersama mereka.

Berabad-abad kemudian, Sri Paus Fransiskus mengikut contoh ini dengan ensikliknya *Fratelli tutti*.

"*Tutti*" adalah "ciri penting dalam agama Kristian". Persaudaraan ini, adalah berdasarkan perintah Yesus: "Terima kasih kepada-Nya, yang mengasihi kita dan menyerahkan diri-Nya untuk kita, kita pula dapat mengasihi satu sama lain dan menyerahkan nyawa kita untuk orang lain".

#### Cintai seperti Yesus mencintai kita

Seperti yang dikatakan dalam Injil Yohanes, Yesus mengasihi kita hingga ke akhir hayat-Nya.

Sebelum penderitaan-Nya, Dia sudah mengetahui apa yang akan berlaku terhadap diri-Nya bahawa Dia akan mengalami seksaan dan ditinggalkan seorang diri.

Tetapi, dalam masa tiga hari sahaja, sejarah baharu bermula dengan Kebangkitan-Nya.

Dengan ini, para murid "menjadi saudara dan saudari sepenuhnya" kerana "mereka mengenali Dia sebagai Yang Bangkit, menerima kurnia Roh dan menjadi saksi bagi-Nya." **Media Vatikan**

### Jus rohani untuk jiwa

## Mengapa melayani kaum miskin?

Secara harfiah tidak masuk akal untuk melayani orang miskin. Namun ada banyak sebab mengapa pelayanan kepada orang miskin merupakan keharusan bagi umat Kristian.

#### 1. Lakukannya untuk Tuhan

Sejak ibu bapa pertama kita hingga hari ini, umat manusia telah menghadapi masalah besar apabila kita gagal untuk melakukan apa yang Tuhan inginkan, "di bumi seperti di syurga."

Lagipun, Tuhan telah merayu kita untuk melayani orang miskin selama beribu-ribu tahun.

Katekismus menyatakan bahawa Tobit dan Sirakh mengandungi versi kata-kata yang diucapkan oleh Yesus Kristus: "Orang yang mempunyai dua helai baju, hendaklah dia berkongsi dengan orang yang tidak mempunyai apa-apa dan orang yang mempunyai makanan hendaklah berbuat demikian juga" (Lukas 3:11)

Malah Tuhan juga berfirman, "Aku memberikan kamu perintah baru: kasihilah seorang akan yang lain. Seperti yang Aku kasih kamu, demikianlah kamu juga harus saling mengasihi." (Yohanes 13:34)

**2. Kita harus melayani orang miskin** kerana usaha ini akan membuat Tuhan berpuas hati dengan kita. "Janganlah kamu lupa berbuat baik dan memberi, sebab korban yang demikian berkenan kepada Tuhan." (Ibr 13:16)



#### 3. Kerana mereka layak

Jangan asyik bertanya, "mengapa mereka miskin?" tetapi teruskan mengutamakan mereka kerana mereka layak...

"Janganlah melakukan apa-apa pun kerana kepentingan diri sendiri atau kerana kesombongan; sebaliknya, dengan rendah hati anggaplah orang lain lebih penting daripada diri sendiri." (Filipi 2:3).

#### 4. Kerana kamu melayani Kristus sendiri

Yesus berkata pada hari penghakiman Dia akan berkata, "Sesungguhnya Aku berkata kepadamu, sesungguhnya segala sesuatu yang kamu lakukan kepada salah seorang daripada saudara-Ku yang paling kecil ini, kamu telah melakukannya kepada-Ku." (Matius 25:40)

#### 5. Agar menjadi peribadi yang lebih baik

Kita semua mahu menjadi "versi terbaik diri kita". Versi terbaik diri anda ialah orang yang berkhidmat kepada orang miskin:

Kerana satu-satunya kepimpinan yang diiktiraf Tuhan ialah pelayanan.

"Yang terbesar di antara kamu mestilah menjadi pelayanmu," kata Yesus (Matius 23:11). "Bahkan Anak Manusia pun datang bukan untuk dilayani, tetapi untuk melayani." (Matius 20:28).

#### 6. Kerana anda ingin mengelakkan dosa besar...

"Yang terpenting, hendaklah kamu saling mengasihi dengan bersungguh-sungguh, kerana kasih menutupi banyak dosa." (1 Petrus 4:8)

#### 7. Lakukan untuk menjadi lebih Katolik

Selain rosari, abu dan salib, melayani orang miskin ialah identiti kita.

"Cinta Gereja terhadap orang miskin... adalah sebahagian daripada tradisi berterusannya." (KGK 2444)

#### 8. Kerana agama tidak berguna tanpa khidmat

"Agama yang murni dan tidak bercela di hadapan Tuhan dan Bapa ialah ini: untuk melawat anak yatim dan balu dalam kesusahan mereka, dan untuk menjaga diri supaya tidak dicemari oleh dunia," kata Sto Yakobus dalam 1:27. **Aleteia**

### PENULIS BERKICAU

## Menggali makna sakramen

Ketika anak-anak mempersiapkan diri untuk menerima komuni pertama, mereka juga mempersiapkan diri untuk melakukan Sakramen Pengakuan Dosa buat pertama kali.

Pada zaman moden ini, sudah ramai kanak-kanak yang bertanya, "Mengapa perlu mengaku dosa dengan paderi? Bukankah lebih baik mengaku terus sahaja kepada Tuhan?"

Ketika zaman remaja, saya juga pernah berfikir sedemikian. Ini sebenarnya sikap angkuh dan tidak memahami makna pertaubatan yang sebenarnya.

Berhadapan dengan persoalan-persoalan berbau 'tidak puas hati' terhadap Sakramen Pengakuan, saya biasanya memetik pesan daripada Santa Faustina tentang tiga sikap utama untuk mengaku dosa dengan baik.

Pertama: Ketulusan dan keterbukaan penuh. Tanpa ketulusan dan hati yang terbuka untuk mengakui dosa-dosa kita, seseorang tidak dapat bertumbuh secara rohani.

Kedua: Kerendahan hati. Jiwa yang sombong tidak akan dapat meresapi manfaat dari Sakramen Tobat. Jiwa itu tidak tahu dan tidak ingin memeriksa dengan cermat dosa-dosa dan kesalahannya.

Ketiga: Ketaatan. Jiwa yang tidak taat tidak akan memperoleh kemenangan, bahkan kalau Tuhan Yesus sendiri secara peribadi yang mendengarkan pengakuan dosanya. Jiwa yang tidak taat, juga tidak akan memperoleh kemajuan dalam kehidupan rohani (lih. BHSF 113).

Kemudian muncul pula persoalan kedua. Kalau saya sudah mengaku dosa, tetapi tidak melakukan penitensi, apakah dosa saya diampuni? Jawaban singkatnya adalah: Ya dosa kamu diampuni walaupun tidak melakukan penitensi. Hal ini disebabkan kerana pengampunan datang daripada Tuhan dan bukan dari penitensi.

Ibu bapa saya sering menggunakan analogi ini: pengakuan dan penyesalan disertai pengampunan yang diberikan oleh paderi, seperti mencabut panah dari tubuh seseorang.

Kalau tidak dicabut akan menyebabkan kematian. Namun, walaupun sudah tercabut, bekas dan luka perlu disembuhkan. Jadi, untuk sembuh perlu melakukan penitensi.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, para paderi giat memberi galakan kepada umat untuk melakukan pengakuan dosa lebih-lebih lagi semasa musim Adven dan Pra-Paskah. Ini memberi semangat kepada umat untuk melakukan Sakramen Taubat dan diharapkan ia menjadi pengalaman rohani yang sejati.

Saya percaya pada nilai bimbingan rohani dalam Sakramen Taubat kerana ramai orang menerima sedikit atau tiada bimbingan rohani di tempat lain.

Saya percaya pada nilai seorang paderi yang mesra dan membantu dalam Sakramen Taubat, kerana bagi ramai orang, ini adalah satu-satunya sentuhan peribadi mereka dengan seorang paderi. Saya yakin bahawa paderi dan umat beriman mempunyai kewajiban untuk melakukan apa yang mereka mampu untuk menjadikan sakramen, lebih berbuah dan mengubah kita menjadi peribadi yang lebih baik.

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Kita boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my) atau**

**WhatsApp: 011-26391498**



**Untuk Pencegahan Bunuh Diri**  
Marilah kita berdoa agar mereka yang terdoda untuk membunuh diri, mendapat sokongan, penjagaan dan kasih sayang yang mereka perlukan dalam komuniti mereka, dan terbuka kepada keindahan hidup.

November 23, 2025

PORT DICKSON: Retret Tim Pemimpin Umat Berbahasa Malaysia (TPUBM) telah diadakan pada Oktober 25-26 di Pusat Methodist, Port Dickson.

Program ini dianjurkan oleh *Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate* Keuskupan Agung Kuala Lumpur (ABMA), dan telah dihadiri oleh kira-kira 60 orang pemimpin umat KUBM dari pelbagai paroki di bawah Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Dengan tema "Sinodaliti", retret dua hari itu mengajak setiap pemimpin umat untuk berjalan dan bekerja bersama sebagai satu persekutuan Kristian.

Sinodaliti menuntut penyertaan aktif seluruh umat beriman, dari umat awam hingga hierarki Gereja untuk saling mendengarkan, membangun, dan menggarap misi Gereja.

Program dimulakan dengan upacara Pentakhtaan Alkitab, diikuti Puji Sembah dan aktiviti *ice-breaking*.

Dua sesi utama dikendalikan oleh Fr Nicholas Hoh. Dalam sesi pertama, "Memimpin Gereja dengan Visi dan Misi Tuhan", Fr Nicholas menegaskan bahawa kepimpinan Kristian ialah panggilan untuk melayani dengan rendah hati, mengenali suara Tuhan dan mendengar suara umat yang berteraskan kepada kehendak Tuhan.

Dalam sesi dua, "Membina Komuniti yang Berakar dalam Ekaristi" paderi itu menekankan bahawa Ekaristi adalah sumber kekuatan dan kesatuan komuniti beriman.

Sesi diteruskan dengan Bengkel memberi ruang kepada peserta berkongsi pengalaman melalui



## ABMA jiwai sinodaliti dalam pelayanan

dua soalan refleksi iaitu a. Kegembiraan dan kesukaran sebagai pemimpin umat di paroki dan b. Cara meneladani kepimpinan Yesus dalam kehidupan seharian.

Antara yang dikongsikan oleh para peserta adalah seperti perasaan gembira melihat pertumbuhan iman umat, namun turut mengakui cabaran seperti keangkuhan masa dan kurangnya penglibatan umat.

Walau bagaimanapun, mereka bertekad mencontohi kepimpinan Yesus yang sabar, rendah hati dan penuh cinta kasih.

Sesi retret ini turut melihat

kolaborasi antara ABMA dengan beberapa kerasulan lain di bawah Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Wendy dari AMNEC telah memperkenalkan program AMNEC yang berfokus pada pembinaan iman dan evangelisasi umat, manakala Walter dari ALPHA, memperkenalkan Kursus Alpha, yang menekankan evangelisasi melalui perkongsian, perbualan iman dan kesatuan komuniti.

Kedua-dua sesi ini menekankan perlunya pendekatan baharu dalam pelayanan evangelisasi bagi menyahut kepada Amanat Agung Kristus, "Pergilah ke seluruh dunia,

beritakanlah Injil kepada segala makhluk" (Markus 16:15)

Program diteruskan dengan "Bengkel Perancangan Pastoral" yang menumpukan kepada perancangan dan penyesuaian aktiviti di peringkat KUBM dan ABMA, bagi mengelakkan pertindihan ertaan umat yang lebih ramai.

Dalam bengkel ini, Sdri Clare Goniur telah dipilih sebagai Setiausaha TPUBM bagi membantu Koordinator, Walter Victor, dalam urusan penyesuaian, dokumentasi, kolaborasi dan komunikasi antara ABMA dan KUBM.

Hari pertama diakhiri dengan Adorasi kepada Sakramen Mahakudus.

Hari kedua dimulakan dengan Ibadat Pagi, diikuti Bengkel Penyediaan Terma Rujukan (ToR) dan perkongsian bahan. Bengkel ini bertujuan menyelaraskan bahan rujukan atau buku pengajaran yang digunakan dalam pelayanan umat berbahasa Malaysia, agar semua bahan adalah seragam dan daripada sumber yang sahih, sejajar dengan ajaran Gereja Katolik, serta tidak melanggar etika atau hak cipta.

Selepas itu, para peserta mengambil bahagian dalam sesi awal perbincangan (*brainstorming*) bagi menentukan Tema KAGAPE 2026.

Sesi ini dijalankan secara interaktif, di mana para peserta berkongsi cadangan berdasarkan pengalaman pastoral, realiti umat masa kini, serta harapan untuk menjadikan KAGAPE tetap relevan dalam pelayanan, ke arah pertumbuhan rohani yang lebih mendalam dan bersatu dalam Kristus.

Maklumat yang dikumpulkan dalam perbincangan awal ini akan dilanjutkan dalam retret ABMA pada bulan Januari 2026.

Retret TPUBM diakhiri dengan Perayaan Misa Kudus, diikuti oleh makan tengah hari.

Retret TPUBM 2025 telah berjaya memperkukuhkan kepimpinan rohani dan pelayanan pastoral, serta memperbaharui semangat pelayanan dan kesatuan dalam komuniti umat, meletakkan landasan kukuh untuk kerjasama dan pertumbuhan rohani di Keuskupan Agung Kuala Lumpur. **Walter Victor**

## KEP bantu umatewartakan Injil dengan efektif

KOTA KINBALAU: Bukit Padang. Pada 8 Nov 2025, satu perayaan yang bersejarah dan penuh makna telah berlangsung bagi peserta KEP 5 Sabah.

Seramai 209 peserta dari pelbagai paroki di bawah Keuskupan Agung Kota Kinabalu menyertai Misa pembukaan Kursus Evangelisasi Peribadi (KEP) di Gereja Mary Immaculate, Bukit Padang.

Lebih dua ratus peserta KEP ini merupakan angkatan KEP yang kelima di Sabah. KEP ialah sebuah kursus singkat di bawah kendalian Komisi Kateketikal Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Kursus ini bermanfaat membangun kesedaran akan pentingnya relasi pribadi dengan Yesus dan sesama atas dasar iman Katolik dalam berinteraksi dengan orang-orang yang dijumpai dalam kehidupan sehari-hari dengan metode efektif, sistematis dan sederhana.

Sebelum Misa bermula, semua peserta berkumpul di dewan untuk sesi pembukaan yang dimulakan dengan nyanyian puji-pujian yang dipimpin oleh kluster Kiulu.

Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Sr Marysia Angku, FSIC, selaku Pengerusi KEP 5.

Misa Pembukaan yang dipimpin oleh Uskup Agung John Wong bermula pada pukul 9.30 pagi.

"Siapakah bos anda? Yesus atau Mormon?" demikian persoalan yang diajukan oleh Uskup Agung kepada semua yang hadir.

Prelatus itu berharap melalui kursus KEP para peserta dapat membangunkan hubungan pribadi yang lebih mendalam dengan Yesus, menjadikan Yesus sebagai "Bos" dalam kehidupan mereka, serta memupuk kesetiaan dan ketaatan kepada-Nya.

Uskup Agung John juga menyen-

takan rasa syukur and bangga atas kesediaan para peserta untuk mengikuti KEP. Prelatus itu menjelaskan bahawa KEP merupakan salah satu cara bagi umat Katolik memperdalamkan iman mereka.

Pada akhir perayaan Ekaristi, Sr Dariah Ajap FSIC, selaku Ketua Komisi Kateketikal Keuskupan Agung KK dan merangkap Penyelaras KEP Angkatan ke-5 Sabah, mengungkapkan rasa syukur kepada Tuhan serta berterima kasih kepada Uskup Agung yang memimpin Misa Kudus pembukaan KEP meskipun mempunyai jadual yang sangat padat.

Kehadiran Bapa Uskup Agung membuktikan sokongan beliau terhadap kursus KEP yang da-

pat membangun hubungan yang peribadi dan intim dengan Yesus.

Sr Dariah menjelaskan bahawa KEP-5 dilaksanakan secara fizikal.

Kursus KEP turut diadakan di Keuskupan Keningau dan Sandakan.

Dalam ucapannya, Uskup Agung John telah memberikan dorongan dan semangat kepada peserta agar tetap setia mengikuti KEP hingga akhir.

Katanya, "pasti ada cabaran dan pengorbanan seperti masa dan wang, namun jika kamu terus setia dan komited, saya yakin selepas empat bulan, kamu akan mengalami pertemuan peribadi yang indah dengan Tuhan!"

Menurut Uskup Agung John,

Tema KEP-5 "Ini aku, utuslah aku" (Yes 6:8) merupakan sebuah sahtan murni dan kesediaan peserta untuk menyahut panggilan Tuhan.

"Segala pengorbanan dan pelaburan kita kepada Tuhan tidak akan sia-sia; sebaliknya, kita akan menerima pulangan berkat daripada Tuhan yang berlipat ganda!" kata Uskup Agung John.

Selepas gimik pelancaran, para peserta menerima buku Misi Evangelisasi, *Evangelli Nuntiandi* dan *Redemptoris Missio*, yang akan digunakan sepanjang kursus.

Majlis berakhir pada jam 1.30 tengah hari dengan lagu *Mars Evangelisasi* versi Borneo oleh kluster Papar, diikuti doa penutup. **Sr Marysia Angku, FSIC**

